

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Ust. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]

SOALAN : Ust. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah import makanan ke negara ini mengikut kategori sejak 2013 hingga sekarang dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sektor import ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah import makanan ke negara ini mengikut kategori bagi komoditi terpilih sejak 2013 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Bil.	Sektor Makanan	Import (RM billion)					
		2013		2014		2015 ^p	
		Nilai (RM billion)	Kuantiti	Nilai (RM billion)	Kuantiti	Nilai (RM billion)	Kuantiti**
1.	Daging dan sediaan daging	2.56	0.25 (Juta MT)	2.94	0.27 (Juta MT)	3.43	-
2.	Hasil tenusu dan telur burung	3.29	0.29 (Juta MT)	3.94	0.33 (Juta MT)	3.52	-
3.	Ikan, krustasea, moluska dan sediaan (tidak termasuk ikan hiasan)	3.24	0.45 (Juta MT)	3.59	0.46 (Juta MT)	3.60	-
4.	Bijirin dan sediaan bijirin	3.81	2.30 (Juta MT)	4.07	2.57 (Juta MT)	4.74	-

Bil.	Sektor Makanan	Import (RM billion)					
		2013		2014		2015 ^p	
		Nilai (RM billion)	Kuantiti	Nilai (RM billion)	Kuantiti	Nilai (RM billion)	Kuantiti**
5.	Sayur-sayuran	3.22	1.44 (Juta MT)	3.17	1.45 (Juta MT)	4.48	-
6.	Buah-buahan	2.15	0.72 (Juta MT)	2.32	0.73 (Juta MT)	3.18	-
7.	Bahan makanan untuk ternakan	7.38	5.63 (Juta MT)	7.51	6.00 (Juta MT)	7.01	-
8.	Binatang hidup (tidak termasuk binatang hidup bukan makanan)	0.26	1.47 (Juta Ekor)	0.32	1.94 (Juta Ekor)	0.36	-
10.	Keluaran dan sediaan makanan lain	4.31	0.40 (Juta MT)	4.63	0.40 (Juta MT)	5.23	-
	Jumlah	30.22	-	32.49	-	38.55	-

*P – data sementara (provisional)

** Data kuantiti import 2015 masih belum diperoleh daripada pihak Jabatan Statistik Malaysia (DOSM)

Langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import bagi sektor ini adalah dengan meningkatkan pengeluaran dan pada masa yang sama membangunkan penggantian import dan industri yang menggunakan input barangan import yang rendah.

Di bawah strategi ini Kementerian telah dan akan melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- a. Meningkatkan pengeluaran makanan melalui:
 - i) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* (EPP) di bawah NKEA Pertanian; dan
 - ii) Pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru. Dengan pembangunan kawasan-kawasan ini, pengeluaran padi negara

akan dapat ditingkatkan, kadar import dapat dikurangkan dan tahap sara diri (SSL) dapat ditingkatkan.

- b. Melaksanakan langkah penggantian import melalui:
 - i) Menghasilkan tanaman alternatif tempatan di mana pelaburan dan dasar akan digerakkan bagi meningkatkan pengeluaran produk domestik untuk menghasilkan produk tersebut.
 - ii) Pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 120,000 hektar untuk aktiviti pertanian gantian import; dan
 - iii) Membangun dan menyokong industri *niche* yang menggunakan kandungan import yang minimal seperti sayuran organik yang menggunakan baja organik.

- c. Lain-lain tindakan mengurangkan kebergantungan import seperti:
 - i) Melaksanakan pemutuan sebenar padi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti padi dan beras yang dihasilkan;
 - ii) Penggunaan teknologi dan mekanisasi bagi mengurangkan kehilangan lepas tuai produk-produk pertanian seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Langkah ini didapati mampu mengurangkan kehilangan lepas tuai daripada lebih 30% kepada kurang daripada 15% hasil ladang; dan
 - iii) Kebarangkalian untuk mewujudkan kontrak jangka masa panjang bagi input pertanian yang diimport (i.e.: jagung bijirin untuk makanan ternakan) untuk menjamin bekalan dan menstabilkan harga.

Kementerian mengambil maklum bahawa sesetengah produk tidak akan dapat digantikan dan import akan tetap diteruskan. Namun demikian, kebergantungan import daripada negara tradisional dan sumber yang mahal akan dikurangkan. Kementerian juga akan mempelbagaikan sumber import daripada negara-negara baru yang boleh membekalkan barang tersebut dengan harga yang lebih murah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Y.B DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**
SOALAN : **NO. 339**

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik dan langkah-langkah bagi mengatasi jumlah pengangguran di kalangan graduan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), yang diisi semasa konvokesyen, sebanyak 23.9 peratus graduan (warganegara) yang masih belum bekerja pada tahun 2015. Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan inisiatif strategik dalam membantu graduan meningkatkan keupayaan bagi persediaan diri dalam pekerjaan. Antaranya, ialah:

(i) Pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan [Graduate Employability (GE)] untuk meningkatkan nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta bersesuaian dengan keperluan industri.

(ii) Membangunkan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan (*Job Creator Framework*) telah dibangunkan oleh KPT dengan tujuan untuk mengubah minda graduan daripada *job seeker* kepada *job creator*. Antara program yang telah dilaksanakan ialah usahawan siswa di mana mahasiswa digalakkan untuk berniaga di dalam dan luar kampus. Selain itu, program sangkutan dan bimbingan dengan kerjasama Permodalan Usahawan Nasional Berhad, TERAJU, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia dan lain-lain juga dilaksanakan.

(iii) Pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu [*Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)*] telah diperkenalkan pada September 2015 yang

mana ia merupakan pendekatan baharu dalam penilaian pelajar. iCGPA melaporkan pencapaian holistik pelajar yang bukan hanya mentaksirkan pelajar berdasarkan pencapaian akademik semata-mata tetapi pelajar juga ditaksir dari segi keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan kemahiran berkomunikasi.

(iv) Pengenalan *CEO Faculty Programme* di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan syarahan dan berinteraksi dengan tokoh-tokoh korporat daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan, industri terkemuka dan pegawai tinggi Perkhidmatan Awam. Antaranya, adalah Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Tony Fernandes, Group CEO Air Asia dan Tan Sri Johan Jaafar, Chairman Nobel International School. Program ini juga akan membantu menambah baik kurikulum dan meningkatkan kolaborasi antara akademia dan pihak industri.

(v) Memperkenalkan Program 2u2i yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar akan belajar selama 2 tahun di universiti dan selama 2 tahun lagi menimba pengalaman di industri. Program ini akan ditawarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan melalui Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian dan Universiti Putra Malaysia melalui Bachelo Sains Pengurusan Perladangan mulai September 2016.

(vi) Kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam keperluan pasaran telah menggerakkan UA untuk turut menggabungkan kelayakan penguasaan bahasa Inggeris sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kualiti graduan sesuai dengan permintaan dan kehendak pasaran kerja di peringkat nasional dan antarabangsa. Peratusan pencapaian *Malaysian University English Test* (MUET) Band 3 dan ke atas bagi Sesi Akademik 2015/2016 adalah sebanyak 62.87% berbanding 35.02% bagi sesi 2014/2015. Ini menunjukkan satu peningkatan dan lonjakan yang sangat ketara iaitu sebanyak 27.85%.

Melalui program-program tersebut, KPT berkeyakinan pelajar akan dapat meningkat penguasaan *soft skills* serta mempunyai pengetahuan, kemahiran serta sikap yang sesuai untuk bekerja, selain daripada mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan.